



CHIA SWEE PING

## Sains fizik perlu dikembangkan

USAHA memantapkan perkembangan sains fizik di negara ini perlu dilakukan segera kerana ia penting dalam mencetuskan teknologi baru.

Menurut Presiden Institut Fizik Malaysia, Profesor Chia Swee Ping, sains fizik merupakan penyumbang yang aktif kepada teknologi masa depan.

"Fizik adalah satu bidang asas kepada pembangunan teknologi, jadi perkembangan bidang itu perlu dimantapkan dari semasa ke semasa," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Persidangan Fizik Kebangsaan 2000 (Perfik 2000) di Port Dickson, Negeri Sembilan kelmarin.

Perfik 2000 dihadiri oleh kira-kira

100 orang dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta institut penyelidikan tempatan dan luar negara.

Sebanyak 92 kertas kerja yang menyentuh pelbagai isu berkaitan fizik dibentangkan sepanjang dua hari persidangan itu berlangsung.

Pada majlis itu juga Chia berkata, perkembangan dalam bidang perkomputeran juga adalah hasil daripada kemajuan dalam sains fizik.

"Sains fizik kini menyerap masuk ke dalam hampir semua bidang berasaskan pengetahuan saintifik.

"Perkembangannya mendorong ke arah pemahaman yang lebih baik terhadap penemuan ilmu dan ia berlaku ter-

hadap sains kimia, biologi, astronomi dan lain-lain," katanya.

Sehubungan itu katanya, aktiviti penyelidikan sains fizik perlu diberi keutamaan pada masa kini dan masa depan.

Tambahnya, keutamaan itu penting bagi memastikan perkembangan yang seimbang wujud dalam pembangunan industri.

"Di dalam bidang fizik, sains gunaan amat penting dan ia perlu dibangunkan dengan mantap terutama di peringkat sekolah.

"Jadi kita memerlukan guru yang baik untuk melahirkan pelajar yang pintar fizik," katanya lagi.